

04 SEP 1996

Yong-Wawancara (bergambar)

PENGGILIRAN IALAH "IBU KEPADA SEGALA JANJI"

Oleh: Mokhtar Hussain dan Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 4 Sept (Bernama) -- Sabah telah melihat 10 pertukaran kepimpinan Ketua Menteri tetapi apabila Datuk Yong Teck Lee mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Salleh Said Keruak pada 28 Mei lepas, ia merupakan satu perkembangan politik yang sungguh unik.

Itulah hari tertunainya janji untuk menggilirkan jawatan ketua eksekutif negeri ini, yang kaya dengan balak dan minyak tetapi politiknya sentiasa bergolak. Sesetengah pihak berkata ia adalah "perubahan kepimpinan" politik yang luar biasa, yang tidak terdapat di mana-mana.

Bagi menandakan 100 hari beliau menjadi Ketua Menteri, Yong telah diwawancara oleh Bernama di sini.

Dengan memetik kata-kata popular Presiden Iraq Saddam Hussein, Yong menyifatkan janji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa pilihan raya negeri 1994, sebagai "ibu kepada segala janji."

Beliau berkata banyak janji yang telah dibuat dan ditunaikan tetapi jarang sekali memperolehi janji seperti ini yang boleh menggirangkan rakyat Sabah.

"Janji ini sangat mudah dan ia adalah yang paling difahami dan diingati oleh semua orang di Sabah. Jika janji ini tidak dikotakan kerana apa jua sebab, orang akan kata "apa lagi?," katanya.

"Walaupun Barisan Nasional telah membuat dan menunaikan banyak janji seperti penubuhan universiti, politeknik, program membasmi kemiskinan, membina jalan raya, sekolah dan hospital, tetapi yang paling diingati oleh mereka ialah janji yang hangat diperdebatkan iaitu untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri. Jadi, ini adalah ibu kepada segala janji," katanya.

Yong, presiden Parti Maju Sabah (SAPP), percaya bahawa apabila janji itu ditunaikan, keyakinan rakyat mengenai kemampuan BN memenuhi janji-janji lain semakin meningkat.

Mereka yang curiga dengan sistem penggiliran itu telah menyatakan kebimbangan mengenai implikasinya terhadap kestabilan politik, tetapi sebaliknya jika ia tidak dilaksanakan juga boleh membawa kepada masalah politik lain.

Yong memahami perasaan orang lain yang membantah sistem penggiliran itu tetapi berkata ia semata-mata kerana kebanyakannya tidak memahami rasional di sebalik sistem itu.

"Sistem penggiliran itu bertujuan membawa kebaikan kepada rakyat, dan bagi diri saya, ia hanya satu kesinambungan kerana ia bermula dengan (bekas Ketua Menteri dan kini Yang Dipertua Negeri) Tun Sakaran Dandai," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan sistem itu wajar dilakukan kerana ia akan mewujudkan budaya percaya di kalangan rakyat di negeri ini, yang akan merapatkan lagi mereka.

"Ia perlu untuk menunjukkan bahawa dengan BN, tidak ada masyarakat yang harus takut kepada masyarakat lain. Sebelum ini, apabila ada pertukaran Ketua Menteri daripada satu kaum kepada kaum lain, ia merupakan satu kekurangan bagi kaum lain.

"Menjadi tugas kami untuk mewujudkan kepercayaan dan keharmonian di kalangan rakyat. Apabila ia sudah tercapai, tidak perlu diadakan penggiliran.

"Diharapkan, selepas satu pusingan penggiliran, kita perlu bekerjasama dan semua orang akan gembira," katanya.

Ketika ditanya bagaimana rasanya menjadi Ketua Menteri Sabah, beliau berkata: "Saya rasa kerusi Ketua Menteri di Sabah sentiasa panas. Dan saya

rasa ia masih lagi panas."

Banyak yang berpendapat bahawa Ketua Menteri Sabah tidak lagi merupakan seorang yang berkuasa selepas pindaan kepada Perlembagaan Negeri baru-baru ini bagi mengehadkan kuasanya terhadap perkara-perkara berkaitan perhutanan, tanah dan perlombongan.

Mengenai perkara ini, Yong berkata walaupun sebelum pindaan itu, Ketua Menteri perlu membawa perkara tertentu kepada Kabinet terutama yang berkaitan dengan pemberian kawasan balak dan tanah pertanian.

Tetapi kuasa itu telah disalahgunakan pada masa lepas, menyebabkan timbulnya keperluan untuk mewajibkan semua kuasa itu dipindahkan kepada Kabinet, katanya.

"Oleh itu, kita sebenarnya tidak mengurangkan kuasa Ketua Menteri untuk mengendalikan negeri ini dengan berkesan atau melakukan perkara yang baik untuk rakyat. Kita hanya cuba mengelak satu keadaan yang membolehkan Ketua Menteri menyalahgunakan kuasa," katanya.

Mengenai apa yang benar-benar menarik perhatiannya selepas 100 hari menyandang jawatan itu, Yong berkata ia adalah keperluan membawa semua rakyat untuk bekerjasama.

"Semua orang perlu dibawa masuk, untuk menggunakan kekuatan dan kemampuan mereka untuk satu sama lain...oleh itu jumlah keseluruhannya lebih besar daripada kekuatan individu. Ini adalah sesuatu yang baru saya temui selepas saya menjadi Ketua Menteri."

Yong berkata selepas mengelilingi negeri ini dalam masa beberapa minggu, beliau terkejut mengetahui bahawa sesetengah jawatankuasa bahagian BN sudah lama tidak bermesyuarat sehingga beliau melawat kawasan itu.

"Bukan saja jawatankuasa ini tidak bertemu, malahan pemimpin daripada pelbagai parti tidak berjumpa antara satu sama lain sejak pilihan raya lepas. Mereka semua bersendirian tanpa sebarang agenda bersama," katanya.

Yong berkata beliau juga telah bertemu dan berbincang dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan persatuan-persatuan yang menurutnya telah mengorbankan masa, tenaga dan sumber kewangan mereka untuk manfaat negeri ini.

"Mereka harus diiktiraf...apabila mereka merasa sumbangan mereka dihargai, mereka akan merasa mendapat galakan untuk meneruskan kerja mereka," kata beliau sambil menyifatkannya sebagai satu langkah besar ke arah bekerjasama.

Slogan "Malaysia Boleh, Sabah Boleh" yang dilancarkan oleh Perdana Menteri sebelum sambutan Hari Kebangsaan di Kota Kinabalu minggu lepas mungkin boleh diselarikan dengan kemahuannya "menarik rakyat untuk bekerjasama."

Tetapi, Yong berkata slogan itu lebih kepada pembentukan keyakinan diri di kalangan rakyat Sabah bagi menjadikan mereka berfikiran terbuka, bersedia mengambil risiko dan memulakan perniagaan.

Ditanya mengenai rancangannya selepas tamatnya dua penggal sebagai Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran itu, Yong berkata: "Itu tidak menjadi kebimbangan saya sekarang. Ketua Menteri atau bukan Ketua Menteri, banyak perkara yang hendak dilakukan."

"Saya telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti dan portfolio. Terdapat banyak cara bagi kita untuk berkhidmat dan memberi sumbangan. Jangan sekali-kali menganggap bahawa apabila anda dilantik sebagai Menteri atau Ketua Menteri, anda akan terus kekal di situ."

"Apabila ini berlaku, anda akan menghadapi masalah besar. Saya sentiasa memberitahu bukan sahaja kepada diri saya tetapi juga kepada para pemimpin terutamanya yang dalam SAPP bahawa kerja dan perkhidmatan mereka hanya terhad kepada jawatannya."

"Oleh itu, saya bukannya jenis orang yang memikirkan tentang apa yang hendak dilakukan selepas dua tahun. Tidak ramai yang percayakan saya

mengenai perkara itu. Mereka harus tunggu dua tahun untuk melihat apa yang
saya maksudkan." -- BERNAMA
MOK JS NAK MAI